



SKIM BANTUAN AWAL IPT

YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Bantuan kewangan kepada anak-anak daripada keluarga berpendapatan rendah di Wilayah Persekutuan yang berjaya melanjutkan pengajian ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Awam atau Swasta.

■ Syarat Permohonan bagi yang berusia 21 tahun ke bawah adalah seperti berikut :

SYARAT WAJIB

- i) Pemohon merupakan warganegara Malaysia.
- ii) Menetap di Wilayah Persekutuan.
- iii) Pendapatan perkapita RM1,000 ke bawah.
- iv) Ibu / bapa merupakan pengundi di Wilayah Persekutuan atau pemohon lahir di Wilayah Persekutuan.

■ Syarat Permohonan bagi yang berusia 21 tahun ke atas adalah seperti berikut :

SYARAT WAJIB

- i) Pemohon merupakan warganegara Malaysia.
- ii) Menetap di Wilayah Persekutuan.
- iii) Pendapatan perkapita RM1,000 ke bawah.
- iv) Pemohon merupakan pengundi di Wilayah Persekutuan.
- v) Syarat pemohon lahir di Wilayah Persekutuan tidak diwajibkan.

Cara pengiraan pendapatan perkapita RM1,000 ke bawah



$$\frac{\text{Pendapatan kasar (termasuk elaun tetap) ketua keluarga + pasangan + isi rumah yang bekerja}}{\text{Bilangan tanggungan (isi rumah) termasuk ketua keluarga dan pasangan}} = \text{Tidak melebihi RM1,000.00}$$

- Pemohon yang masih menuntut di semester 1, tahun pertama sahaja yang layak memohon.
- Kursus pengajian adalah bagi peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Kedoktoran (PhD) **sempurna masa** sahaja.

ARAHAN :

Pastikan borang permohonan diisi dengan lengkap dan semua maklumat hendaklah ditulis dengan pen dalam **HURUF BESAR**.

Sila lampirkan salinan dokumen-dokumen berikut yang telah disahkan oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan A atau setaraf dengan cop rasmi sebagai tanda benar:-

A. Bahagian salinan dokumen pengenalan diri

- Gambar terbaru pelajar berukuran passport. Salinan kad pengenalan pelajar.
- Salinan sijil kelahiran pelajar.
- Salinan kad pengenalan pasangan (bagi pelajar yang telah berkahwin).
- Salinan sijil/kad nikah (bagi pelajar yang telah berkahwin). Salinan kad pengenalan bapa/penjaga.
- Salinan kad pengenalan ibu/penjaga.
- Salinan sijil kematian jika ibu/bapa meninggal dunia. Salinan surat perakuan cerai ibu/bapa.
- Salinan kad pengenalan isi rumah (ahli keluarga yang dalam tanggungan).
- Salinan kad OKU (jika ahli keluarga pemegang kad OKU). Salinan bil utiliti.

B. Bahagian salinan dokumen pendapatan/bantuan. Salinan terkini

- slip gaji/slip pencen/akuan sumpah pendapatan bapa/penjaga (sah bagi tempoh 3 bulan dari tarikh permohonan) bagi tidak bekerja atau bekerja sendiri (nyatakan jumlah pendapatan + sumbangan anak-anak).
- Salinan terkini slip gaji/slip pencen/akuan sumpah pendapatan ibu/penjaga (sah bagi tempoh 3 bulan dari tarikh permohonan) bagi tidak bekerja atau bekerja sendiri (nyatakan jumlah pendapatan + sumbangan anak-anak).

*Sekiranya terdapat isi rumah yang bekerja, sila lampirkan slip gaji/akuan sumpah pendapatan (sah bagi tempoh 3 bulan dari tarikh permohonan)

- Salinan penyata/surat makluman penerima bantuan kewangan bulanan daripada Baitulmal MAIWP (jika ibu/bapa penerima bantuan).
- Salinan penyata/surat makluman penerima bantuan kewangan bulanan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (jika ibu/bapa penerima bantuan).
- Salinan penyata/surat makluman penerima bantuan kewangan bulanan daripada PERKESO (jika ibu/bapa penerima bantuan).

C. Bahagian salinan dokumen pengajian. Salinan surat

- tawaran kemasukan ke IPT. Salinan resit pembayaran
- yuran pengajian/slip transaksi pembayaran kepada IPT.

PERINGATAN

Pemohon yang berjaya sahaja akan dihubungi oleh pihak Yayasan Wilayah Persekutuan.

Permohonan ini akan ditolak sekiranya didapati mana-mana bahagian dari maklumat yang diberi tidak lengkap dan tidak benar.